



NOTIS PELANTIKAN

ANGGOTA JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN CO-OPBANK PERTAMA

Co-opbank Pertama (CBP) mempelawa anggota yang berminat dan berkelayakan untuk memohon jawatan sebagai Anggota Jawatankuasa Audit Dalaman di CBP.

1. Syarat-syarat kelayakan adalah seperti berikut:
 - a. Pemohon memiliki kelayakan akademik sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda atau lain-lain kelayakan professional;
 - b. Pemohon merupakan anggota CBP;
 - c. Pemohon tidak disabitkan atas sesuatu kesalahan di bawah Akta Koperasi 1993;
 - d. Pemohon tidak dipecat sebagai pegawai sesuatu koperasi oleh SKM;
 - e. Pemohon tidak mempunyai apa-apa hutang yang tertunggak melebihi enam (6) bulan daripada mana-mana koperasi atau institusi perbankan lain;
 - f. Pemohon tidak mempunyai apa-apa kemudahan pembiayaan di CBP;
 - g. Pemohon tidak memegang jawatan sebagai Anggota Lembaga dalam mana-mana koperasi atau organisasi yang mempunyai kemudahan pembiayaan dengan CBP; dan
 - h. Keutamaan akan diberi pada calon-calon mempunyai pengalaman dan pengetahuan berkaitan Audit Syariah.
2. Anggota CBP yang berminat boleh memohon jawatan tersebut dengan mengemukakan "Resume/CV" melalui email audit@cbp.com.my atau mengemukakan terus kepada:

**Setiausaha Eksekutif
Co-opbank Pertama
Tingkat 6, Wisma JCB Next;
No. 27 Lorong Medan Tuanku 1;
50300 Kuala Lumpur.**

- Sesalinan laporan CCRIS daripada Bank Negara Malaysia hendaklah dilampirkan bersama.
3. Tarikh tutup permohonan ialah sehingga **10 Oktober 2021**.
 4. Hanya pemohon yang layak selepas tapisan akan dihubungi.
 5. Pemohon yang tidak menerima apa-apa jawapan selepas dua (2) minggu dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

**Setiausaha Eksekutif
Co-opbank Pertama**